

# FTA: Jumlah perdagangan, pelaburan perlu ditingkatkan

UM- 7/4/2007

KUALA LUMPUR 6 April - Kerajaan perlu meningkatkan jumlah perdagangan, pelaburan dan kerjasama menerusi perjanjian perkongsian termasuk perjanjian perdagangan bebas (FTA) bagi meningkatkan kemampuan sektor perindustrian negara menjelang 2020.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ahmad Husni Hanadzlah berkata, untuk menjayakan Pelan Induk Industri Ketiga (IMP3) yang dilancarkan pada Ogos 2006, kerajaan mesti melakukan lebih daripada yang dilakukan sekarang.

Menurut beliau, antara usaha yang telah dilakukan termasuk menandatangani perjanjian perkongsian ekonomi dengan Jepun sementara FTA masih dalam perbincangan dengan Amerika Syarikat (AS).

"Perjanjian umpama itu perlu dilakukan untuk membentuk akses kepada pasaran antarabangsa, menyediakan sistem pengaliran pelaburan di samping meningkatkan kemampuan sektor industri dan ekonomi negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Ekspo Keusahawanan 2007 di Pusat Pameran Mid Valley di sini hari ini.

Pada majlis itu, Ahmad Husni juga melancarkan majalah SME & Entrepreneurship Malaysia terbitan Advantage Integrated Communications (AiC).

Majalah dalam bahasa Inggeris itu dijangka akan dijual dalam bahasa Malaysia pada Julai ini dengan sasaran edaran sebanyak 50,000 naskhah menjelang akhir tahun.

Dalam perkembangan lain, Ahmad Husni berkata, banyak perusahaan kecil dan sederhana (PKS) telah mendapat manfaat daripada FTA dengan Jepun yang menumpukan bidang latihan dan pembekalan komponen automotif.

Kata beliau, dalam masa yang sama, kerajaan juga menghubungkan PKS dengan syarikat multinasional di bawah Program Saling-Kait Industri anjuran Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC).

Di bawah program itu, katanya, lebih daripada 400 PKS telah berjaya menjadi pembekal kepada syarikat-syarikat multinasional di seluruh dunia.

Menyentuh dakwaan sesetengah pihak bahawa harga ubat-ubatan akan meningkat sekiranya FTA ditandatangani dengan

AS, beliau berkata, Malaysia telah menolak permintaan AS dan dengan itu, ubat-ubatan akan terus dipasarkan seperti biasa tanpa kenaikan harga.

Mengenai dakwaan kononnya penanam padi akan kehilangan mata pencarian akibat FTA dengan AS, beliau berkata, AS bukan negara pengeluar beras.

"Sesetengah petani di AS hanya mengeksport beras yang sesuai untuk membuat makanan Jepun, sushi dan harganya RM10 sekilogram berbanding harga beras tempatan RM2 sekilogram," katanya.

Ditanya mengenai tarikh akhir FTA itu akan ditandatangani, beliau berkata, perjanjian hanya ditandatangani setelah semua perkara dipersetujui bersama.